



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "KEWAJIPAN BERMUAMALAT SECARA PATUH SYARIAH"

17 Jun 2022 / 17 Zulkaedah 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِنِعْمَةِ الْإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi semua larangan Nya serta mengikhlaskan setiap amalan, semoga hidup kita dirahmati Allah, di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: "**Kewajipan Bermuamalat Secara Patuh Syariah**".

Muamalat bermaksud perhubungan secara aktif sesama manusia dalam urusan berkaitan harta. Muamalat patuh syariah pula bermaksud kegiatan ekonomi dan pengurusan harta yang selaras atau tidak bercanggah dengan hukum Islam. Setiap hari kita menjalankan pelbagai kegiatan muamalat melibatkan jual beli, berhutang, bekerja untuk mendapat gaji, menyimpan serta melaburkan wang dan pelbagai kegiatan lagi bagi memenuhi keperluan hidup. Persoalannya, adakah kita mengambil berat tentang halal dan haram kegiatan-kegiatan muamalat yang kita lakukan? Rasulullah SAW memberikan peringatan melalui sabda baginda:

يَأْتِي عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ، لَا يُبَالِي الْمَرءُ مَا أَخَذَ مِنْهُ، أَمِنَ الْحَلَالِ أَمْ مِنَ الْحَرَامِ

Bermaksud: "Akan datang suatu zaman nanti di mana seseorang sudah tidak lagi mengambil peduli apa (pendapatan) yang diperolehnya, sama ada daripada sumber yang halal ataupun haram".

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

<sup>1</sup> Memuji Allah SWT

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Takwa



## Muslimin yang dirahmati Allah,

Terdapat satu kaedah yang menyatakan: “Hukum asal dalam bidang muamalat adalah harus”. Kaedah ini memberi ruang yang luas kepada manusia untuk mengembangkan kegiatan muamalat dan ekonomi, selaras dengan kemajuan tamadun manusia. Contoh yang paling mudah diambil ialah keharusan jual beli secara atas talian yang berlaku secara meluas pada masa ini, sedangkan urus niaga sedemikian tidak pernah diamalkan sebelum zaman Internet.

Namun, Islam juga menentukan terdapat larangan-larangan dalam bidang muamalat. Antara perkara utama yang diharamkan dalam muamalat ialah (i) riba, iaitu lebihan nilai yang disyaratkan dalam akad hutang, (ii) *gharar*, iaitu ketidakpastian yang nyata dalam akad jual beli, (iii) *maysir*, iaitu unsur perjudian atau pertaruhan dalam memperoleh harta yang bergantung pada nasib, dan (iv) memiliki harta secara batil meliputi penipuan, rasuah dan menzalimi hak orang lain. Pelbagai nas daripada al-Quran dan hadis menjelaskan pengharaman perkara-perkara tersebut. Sebagai contoh dalam perkara riba, terdapat ayat yang amat jelas menyatakan pengharamannya; Allah SWT mengisyiharkan peperangan kepada golongan pemakan riba. Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقَى مِنَ الرِّبَا إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴾ ﴿فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوْا فَأُذْنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَإِن تُبْتُمْ فَلَا كُرُبَّ وَسُوءُ مَوَالٍ كُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ ﴾ ﴽ﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan tinggalkan saki baki riba (yang belum dipungut) jika kamu orang-orang yang beriman. Maka jika kamu tidak melakukan demikian (meninggalkan sisa riba), maka ketahuilah, bahawa Allah dan Rasul Nya akan memerangi mu. Dan jika kamu bertaubat, maka bagi mu modal kamu dan kamu tidak menganiaya dan tidak (pula) dianiaya.

(Surah al-Baqarah, ayat: 278-279)

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Antara keperluan utama dalam hidup manusia ialah rumah dan kenderaan. Bagi mereka yang tidak mampu memilikinya secara tunai, mereka wajib melanggan pembiayaan perumahan dan kenderaan patuh syariah yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam. Begitu juga dengan perlindungan diri dan harta, kita wajib mengambil produk-produk takaful yang ditawarkan oleh pelbagai syarikat takaful, bukannya insurans konvensional yang terlibat dengan elemen riba dan *gharar* yang diharamkan.



Dalam bidang pelaburan, elakkan daripada menyertai skim-skim pelaburan yang menjanjikan keuntungan tetap yang ditawarkan oleh pihak-pihak yang tidak mempunyai penasihat syariah. Begitu juga dengan perdagangan mata wang secara atas talian (*online forex trading*) yang diputuskan haram oleh sebahagian besar sarjana Islam, kerana melibatkan unsur-unsur perjudian, *gharar* dan riba. Kini, telah ada dalam pasaran untuk membolehkan umat Islam mengembangkan harta mereka melalui pelbagai bentuk pelaburan yang patuh syariah.

Umat Islam perlu berhati-hati dengan sebarang peraduan, pertandingan, cabutan bertuah dan permainan yang berkemungkinan mengandungi unsur-unsur perjudian atau pertaruhan, jika tidak mematuhi hukum-hakam muamalat.

Umat Islam yang bekerja baik di sektor awam, begitu juga di sektor swasta wajib menjalankan kerja dengan penuh amanah. Pastikan gaji yang diterima adalah halal dan suci daripada sebarang unsur penipuan seperti culas pada waktu bekerja, membuat tuntutan palsu, menyalahgunakan jawatan untuk kepentingan peribadi dan melakukan rasuah, perbuatan-perbuatan sedemikian merupakan contoh-contoh memperoleh pendapatan secara batil yang diharamkan dalam muamalat Islam.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Umat Islam secara umumnya mengambil berat dan begitu berhati-hati mengambil makanan yang halal. Namun, kesedaran tentang aktiviti halal dan haram dalam bidang muamalat masih rendah. Sebagai contoh, ramai yang dilapur tidak malu meminta dan menerima rasuah, sedangkan rasuah tanpa ragu, hukumnya haram. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah menyediakan akaun yang diuruskan mengikut prinsip syariah mulai 1 Januari 2017. Namun, setelah lima tahun akaun simpanan syariah diperkenalkan, hanya lima belas peratus ahli KWSP beragama Islam yang memilih bertukar ke akaun patuh syariah. Di negeri Perak, hanya tiga belas peratus ahli KWSP beragama Islam yang telah bertukar ke akaun simpanan syariah. Bermakna, dividen yang diterima setiap tahun oleh ahli KWSP beragama Islam yang belum bertukar ke simpanan patuh syariah adalah hasil daripada pelaburan bercampur antara yang halal dengan yang haram. Demi membersihkan pendapatan tersebut, mereka perlu menyalurkan peratusan dividen yang tidak patuh syariah kepada Baitulmal untuk kemaslahatan umum atau kepada golongan fakir dan miskin, seperti yang dinyatakan dalam Warta Kerajaan Negeri Perak bertarikh 24 September 2014, bertajuk “Fatwa Mengenai Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah ke Baitulmal”.



Mimbar menyeru Muslimin kepada beberapa pesanan:

**Pertama:** Setiap Muslim wajib memahami hukum-hakam muamalat berkaitan kegiatan ekonomi yang dirinya terlibat secara langsung.

**Kedua:** Masyarakat Islam wajib memilih pembiayaan yang patuh syariah untuk memiliki rumah, kenderaan atau memperoleh modal perniagaan serta perlindungan takaful.

**Ketiga:** Pencarum KWSP Muslim wajib memilih akaun simpanan syariah yang telah ditawarkan. Jika masih menggunakan akaun konvensional, maka penyucian pendapatan perlu dilakukan.

**Kesimpulannya**, bidang muamalat mempunyai hukum-hakam yang wajib dipatuhi oleh setiap Muslim. Muamalat adalah sebahagian daripada komponen syariat Islam yang syumul, khususnya melibatkan hubungan manusia sesama manusia (حَبْلُ مِنَ النَّاسِ).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمِ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَأَسْتَغْفِرُهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَبَيْنَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى الْأَلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah. Banyakkan berselawat dan ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

Menjelang Hari Raya Aidiladha pada 10 Julai 2022, khatib menggalakkan mereka yang mempunyai kemampuan untuk melaksanakan ibadah korban yang fadilat dan manfaatnya sangat besar untuk diri dan masyarakat. Semoga yang melakukan ibadah korban dilimpahi keberkatan Allah SWT dan diterima amalannya.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ  
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي  
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنَهُمْ وَالْفُؤُودَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ  
وَالْحِكْمَةَ، وَثِئُومُهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ أَكْفِنَا بِحَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ وَأَعْنَنَا  
بِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Berikanlah kesedaran kepada kami untuk menjalankan segala urusan kehidupan kami yang selaras dengan syariat Mu.

**Ya Mannan Ya Razzaq**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

**رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ**

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فاذکرووا الله العظيم يذكركم، واشکروه على نعمه يزدكم، واسألوه من فضله يعطيكم، ولذکر الله اکبر، والله يعلم ما تصنعون.